

24/04/2001

Pengajaran buat ahli pembangkang

BUKAN mudah untuk berbahas di Dewan Rakyat jika tidak mempunyai fakta yang lengkap dan agaknya itulah yang dipelajari seorang ahli Parlimen pembangkang semalam.

Kejadian berlaku ketika Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) membuka tirai perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), berikutan Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Nor, tidak menghadiri persidangan itu.

Difahamkan Fadzil tidak menghadiri pembentangan RM-8 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menghadiri perasmian Dewan Undangan Negeri Kedah.

Tan dalam perbahasannya mendakwa kerajaan Barisan Nasional (BN) sewenang-wenangnya menukar dan memecat kakitangan perkhidmatan awam jika mendapati mereka terbabit menyokong parti pembangkang.

Dakwa Tan yang tidak disertai dengan fakta bagi mengukuhkan hujahnya menyebabkan Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) bangun meminta Tan mengemukakan perangkaan jika dakwaan itu benar.

"Kalau betul dakwaan Yang Berhormat, boleh tak kemukakan perangkaan kakitangan kerajaan yang teraniaya. Perangkaan yang kena pecat berapa dan yang kena tukar berapa," kata Ruhanie.

Tan yang kelihatan terpinga-pinga seketika dengan soalan itu berkata;

"Saya bukan kerajaan dan saya tidak ada angka. Cubalah Yang Berhormat minta kerajaan kaji. Tetapi yang saya tahu Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar, dipecat."

Ruhanie yang tidak berpuas hati dengan jawapan itu sekali lagi bangun dan berkata: "Kalau setakat seorang dipecat daripada lebih 800,000 kakitangan awam, itu berapa peratus tu?"

Tan cuba dibantu oleh Datuk Dr Hassan Mohd Ali (Pas-Parit Buntar) yang bangun dengan mengemukakan satu perangkaan yang dikatakan diambil di kawasannya iaitu Parlimen Parit Buntar dan Dewan Undangan Negeri Sungai Burung.

"Di kawasan DUN saya Sungai Burung di Tanjung Karang, seramai 11 guru ditukar kawasan, manakala di Parit Buntar 41 guru KAFKA (Kelas Agama dan Fardu Ain) diberhentikan," katanya.

Jawapan itu menyebabkan Ruhanie bangun sekali lagi dan berhujah perkara yang sama turut dilakukan oleh Kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu.

(END)